

13 SEP 2002

ACM-JITU/I

ACM BERKEDUDUKAN KUKUH JADI PENERAJU PENGELUARAN KOMPOSIT

Oleh: Siti Aishah Mohamad

BUKIT KAYU HITAM, 13 Sept (Bernama) -- Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd telah mengambil langkah-langkah teguh dalam keseluruhan pengurusan dan proses pengeluarannya bagi memastikan bahawa syarikat itu akan benar-benar muncul sebagai pusat pengeluaran komposit terkemuka di mana kejutuan menjadi unsur yang amat penting.

Pengerusinya, Datuk Syed Tamim Syed Mohamed, berkata bahawa langkah-langkah demikian, termasuklah latihan menyeluruh, baik dalam kelas mahupun semasa bekerja bagi kumpulan perintis seramai 14 pelatih di kilang-kilang syarikat Boeing dan Hexcel Corporation, peningkatan mutu perkhidmatan dan produk yang berterusan dan berada seiringan dengan perkembangan teknologi.

"Penyelidikan dan pembangunan adalah amat penting untuk mengekalkan kelebihan daya saingan syarikat ini," katanya pada perasmian kilang Asian Composite Manufacturing Sdn Bhd (ACM) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di kawasan perindustrian Bukit Kayu Hitam, kira-kira 50km dari sini.

ACM adalah sebuah syarikat yang terbabit dalam pengeluaran bahan-bahan komposit maju bagi industri penerbangan.

Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1998 itu adalah sebuah usaha sama antara syarikat tempatan, Sime Darby Bhd dan Naluri Bhd, dan rakan kongsi mereka dari Amerika Syarikat, The Boeing Company dan Hexcel Corporation.

ACM telah ditubuhkan sebagai sebahagian daripada pelan induk aeroangkasa negara Malaysia yang dilancarkan pada Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) pada tahun 1997.

Setiap rakan kongsi memegang 25 peratus ekuiti dengan pelaburan permulaan sebanyak RM156 juta.

Kilang tersebut menyerahkan kumpulan pertama bahagian-bahagian komposit mengikut jadual dalam bulan Jun 2001 dan mematuhi semua syarat ketat ISO dan pelanggan.

Syed Tamim berkata bahawa produk-produk itu dihantar ke kilang-kilang Hexcel di Kent, AS untuk dipasang, sebelum akhirnya dihantar kepada Boeing.

Setakat ini, ACM mempunyai 217 pekerja dengan 10 pegawai asing, kebanyakannya di jabatan pengeluaran dan kawalan mutu kilang itu.

Katanya, ACM berhasrat memastikan bahawa pemindahan teknologi dilakukan secara beransur-ansur tetapi menyeluruh agar kilang itu boleh dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga kerja Malaysia dalam dua hingga empat tahun lagi.

Beliau juga berkata bahawa setakat bulan Ogos 2002, ACM mencapai sejumlah 750,000 jam manusia tanpa kerugian masa dalam operasinya.

Teknologi komposit tidak hanya terbatas kepada industri aeroangkasa kerana kilangnya boleh dipertingkatkan lagi bagi menggalakkan pengeluaran aplikasi komposit sampingan melalui penyelidikan dan pembangunan yang mendalam.

Ini termasuklah aplikasi dalam industri kereta dan pembuatan kelengkapan riadah manakala potensi menjalankan kegiatan hiliran wujud untuk diteroka, kata Syed Tamim. -- BERNAMA

SA MR FR KY OS